



Webfeat Express di Perpustakaan UiTM

oleh : Hani Liza Norfin



Pelanggan Perpustakaan Universiti Teknologi Mara kini boleh menikmati kemudahan pencarian "online article" yang merentasi Pangkalan Data Dalam Talian (PDDT) langganan perpustakaan melalui Webfeat Express.


WebFeat menggabungkan enjin pencarian yang membolehkan anda mencari pelbagai pangkalan data secara serentak. Pencarian ini hampir sama dengan pencarian Google dimana ia membolehkan anda melayari web secara menyeluruh. WebFeat membolehkan anda untuk mengakses ke semua pangkalan data PTAR secara praktikal bagi bahan-bahan seperti majalah, suratkhbar, artikel Jurnal Ilmiah, buku dan lain-lain.

Bagaimana cara untuk mengakses WebFeat?


Untuk menggunakan WebFeat Express, pelanggan dikehendaki melayari laman web PTAR di alamat "http://www.uitm.library.edu.my"

Cara yang paling mudah untuk mengakses WebFeat ialah dengan memilih "online database" yang terdapat dalam Portal PTAR.


Seterusnya, klik ikon WebFeat Express untuk mengakses terus ke WebFeat.



1



2



3

Paparan "Webfeat Page" & senarai judul PDDT yang dilanggan

- Anda boleh membuat carian melalui Keyword, Title, Author, Abstract atau Subject pada "Search box" yang disediakan.
- Pilih dan tandakan / sekurang-kurangnya bagi dua judul pangkalan data yang bersesuaian dengan tajuk yang dicari.